

SKA 301
PERKEMBANGAN KELUARGA MALAYSIA

TAJUK

PERKEMBANGAN DAN KESINAMBUNGAN
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

PENSYARAH

ENCIK NORHALIM BIN HAJI IBRAHIM

OLEH

AB.RAHIM BIN OTHMAN
RAHMAD BIN MUSA

39356
39959

[Bac. Pend. Bimbingan & Kaunseling]
KUMPULAN 45

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang

10 Oktober, 1995

SKA 301
PERKEMBANGAN KELUARGA MALAYSIA

TAJUK

PERKEMBANGAN DAN KESINAMBUNGAN
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

PENSYARAH

ENCIK NORHALIM BIN HAJI IBRAHIM

OLEH

AB.RAHIM BIN OTHMAN
RAHMAD BIN MUSA

39356
39959

[Bac. Pend. Bimbingan & Kaunseling]
KUMPULAN 45

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang

10 Oktober, 1995

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala pujian bagi Allah pencipta seluruh alam.

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W

Bersyukur kami kehadiran Allah S.W.T atas limpah kurnia dan hidayah-Nya maka dapatlah kami menyiapkan kertas kerja ilmiah ini yang bertajuk **"Kesinambungan dan Perubahan Kekeluargaan Sesapan Batu Rembau"** bagi kursus SKA 301 [Perkembangan Keluarga Manusia].

Kesempatan ini juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Encik Norhalim bin Haji Ibrahim** selaku pensyarah SKA 301 yang telah banyak memberikan nasihat, pandangan, tinjau ajar serta bimbingan dari masa ke semasa kepada kami dalam usaha untuk menyiapkan kertas kerja ini. Di atas kerjasama dan panduan serta kesediaan Encik Norhalim meluangkan masa tanpa mengira waktu telah banyak membantu kami menulis kertas kerja ini dengan jayanya.

Sekalung penghormatan dan terima kasih juga diucapkan kepada Tuan Haji Sulaiman Isa [Datuk Empat] dan ketua-ketua suku, Tuan Haji Idris Ripin [Ketua Kampung] dan JKKK, Encik Daud Kassim [Ketua UMNO] dan AJK, Encik Mohamad Fauzi Daud [Ketua Pemuda UMNO] dan AJK, Puan Noraizan Ibrahim [Ketua Wanita UMNO] dan AJK, Tuan Haji Yusuf Samsuddin [Ketua Belia 4B] dan AJK, Encik Mokhtar Jalil [Nazir Masjid] dan AJK serta masyarakat Kampung Sesapan Batu Rembau amnya kerana telah banyak membantu kami mendapatkan maklumat serta memberi panduan kepada kami. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Prakata	i
Kandungan	ii
Biodata Kampung Sesapan Batu Rembau	iv
1.0 Bagaimana Kampung Sesapan Batu Rembau mendapat nama.	1
1.1 Pemilihan Nama Sesapan Batu Rembau	1
1.1.1 Versi Pertama	1
1.1.2 Versi Kedua	2
1.2 Pemilihan Nama Rembau	5
2.0 Punca-punca yang menolak masyarakat keluar dari Rembau.	6
2.1 Faktor-faktor yang menarik masyarakat berhijrah ke Sesapan Batu Rembau.	8
3.0 Sejarah pembukaan Sesapan Batu Rembau	10
3.1 Bila dibuka	10
3.2 Siapa yang membuka	10
3.3 Cara masyarakat datang ke Sesapan batu Rembau	11
4.0 Politik masyarakat Sesapan Batu Rembau	13
4.1 Datuk Empat dan peranannya	14
4.1.1 Pemilihan Datuk Empat	14
4.1.2 Bidang kuasa Datuk Empat	15
4.1.3 Peranan dan tugas Datuk Empat	16

5.0	Adat istiadat masyarakat Sesapan batu Rembau	27
5.1	Hutang darah dibayar darah	27
5.2	Adat perkahwinan	31
5.2.1	Adat merisik	31
5.2.2	Adat menghantar cincin tanya	34
5.2.3	Adat bertunang	40
5.2.3.1	Adat pantang larang semasa bertunang	42
5.2.4	Adat nikah kahwin	45
5.2.4.1	Keperluan wajib adat semasa upacara akad nikah.	45
5.2.4.2	Adat yang tidak wajib tetapi telah menjadi tradisi.	46
5.2.4.3	Adat nikah gantung atau nikah hukum	49
5.2.5	Adat Bersalah-salahan	52
5.2.5.1	Adat bersalah-salahan di luar rumah	53
5.2.5.2	Adat bersalah-salahan di dalam rumah	54
5.2.6	Prosedur hukuman bersalah-salahan	60
6.0	Sistem pentadbiran Kampung Sesapan Batu Rembau	62
6.1	Sejarah pentadbiran kampung	62
6.2	Suku-suku di Kampung Sesapan Batu Rembau	63
6.3	Carta Organisasi Adat Sesapan Batu Rembau	64
6.4	Organisasi-organisasi pentadbiran kampung	65
7.0	Rumah Kediaman dan perubahan	73
8.0	Perkembangan sistem ekonomi	74
9.0	Kesimpulan	78



Papan tanda menunjukkan alamat
Kampung Sesapan Batu Rembau dan
ucapan selamat datang.



Papan tanda menunjukkan alamat
Kampung Sesapan Batu Rembau dan
ucapan selamat datang.

BIODATA KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

1. Nama kampung : Kampung Sesapan Batu Rembau
2. Pekan : Beranang
3. Daerah : Hulu Langat
4. Negeri : Selangor Darul Ehsan
5. Jumlah Rumah : 145 buah
6. Jarak kampung : 3.5 km
7. Asal Penduduk : Rembau, Negeri sembilan
8. Kedudukan : Sempadan antara Negeri Sembilan dengan Selangor
9. Pekerjaan Penduduk : Sektor kerajaan, swasta dan sendiri
10. Agama : 100% Islam
11. Adat : Pepatih [sistem kesukuan]
12. Kemudahan Asas : Lengkap
13. Kenderaan Penduduk : Kereta, motosikal dan basikal
14. Tempat Penduduk Berkumpul : - Masjid
- Surau
- Kedai kopi
- Balai raya
15. Bahasa Perantaraan : Dialek Negeri Sembilan

4.0 Politik Masyarakat Sesapan Batu Rembau:

Masyarakat Sesapan Batu Rembau adalah masyarakat unik yang penuh dengan adat dan istiadat. Bagi masyarakat Sesapan Batu Rembau adat adalah segala-galanya. Adat adalah pewarisan turun temurun yang dibawa oleh budaya masyarakat ini dari tempat asal dan dikekalkan di tempat ini. Sesungguhnya bagi

masyarakat Sesapan Batu Rembau, "Adat tidak akan reput oleh hujan dan takkan lekang oleh panas". Adalah jelas bagi masyarakat Sesapan Batu Rembau adat perlu dijulang dan dikekalkan, bagi mereka " Biar mati anak jangan mati adat ".

Justeru itu bagi menentukan adat diikuti dan dihayati maka masyarakat Sesaan Batu Rembau telah mengamanahkan kepada seseorang, sebagai tokoh bagi memegang dan melaksanakan adat. Pemegang dan pelaksana adat ini diberikan kepada seseorang yang dipanggil Datuk Empat.

4.1 Datuk Empat dan Peranannya:

4.1.1 Pemilihan Datuk Empat

Masyarakat Kampung Sesapan Batu Rembau telah memujudkan satu jawatan yang berfungsi bagi mengendalikan segala urusan yang berkaitan dengan adat perkahwinan dan pelanggaran norma sosial di kalangan penduduk kampung. Jawatan ini di kenali sebagai "Datuk Empat". Jawatan ini telah wujud di kampung ini semenjak awal pembukaan kampung ini lagi.

Di antara nama-nama yang pernah menjawat jawatan sebagai Tok Empat ialah:

- a. Abdullah
- b. Nordin
- c. Shamsudin
- d. Sulaiman (sekarang)

Pemilihan Tok Empat adalah berdasarkan kepada keputusan sembilan buapak yang mewakili sembilan suku di kampung ini. Apabila berlaku sahaja kekosongan jawatan Tok Empat, sama ada meletakkan jawatan, dipecat atau meninggal dunia, maka Datuk Dagang (Ketua Kampung) akan memanggil sembilan buapak untuk bermesyuarat bagi memilih seorang dari penduduk kampung itu untuk dilantik sebagai Tok Empat.

Berdasarkan pengalaman lalu, tempat diadakan mesyuarat untuk memilih Tok Empat ini diadakan di surau. Sembilan buapak yang hadir boleh melantik salah seorang di kalangan mereka memegang jawatan Tok Empat atau boleh mencadangkan nama orang lain untuk diantik menjadi Tok Empat. Ini bergantung kepada kesediaan dan persetujuan orang yang dilantik itu untuk menerima perlantikan tersebut.

Bagi jawatan Tok Empat ini, tempoh masa perkhidmatannya tidak ditetapkan oleh sembilan buah buapak. Jawatan Tok Empat akan disandang selagi ianya mendapat kepercayaan penduduk dan buapak serta kesihatannya mengizinkan.

4.1.2 Bidang Kuasa Datuk Empat:

Apabila disebut sahaja Datuk Empat, semua penduduk kampung sudah memahami bahawa peranan jawatan itu pada umumnya adalah meliputi seluruh keluasan empat penjuru kampung, berdasarkan bidang kuasa adat yang diberikan kepadanya. Ini bermaksud, seluruh kampung Sesapan Batu Rembau, terutamanya penduduk yang tinggal di dalam mukim

tersebut adalah di bawah pengawasan dan pemerhatian Datuk Empat.

Semasa Datuk Empat berada di mana-mana bahagian di dalam salah sebuah rumah di kampung ini, maka autoriti yang ada padanya ialah meliputi kesuluruhan empat penjuru rumah tersebut. Berada sahaja Datuk Empat di situ, ini bermakna tunduk dan akurlah masyarakat di sini dengan apa jua keputusan yang akan dibuat oleh Datuk Empat.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah apabila Datuk Empat melibatkan diri dalam apa-apa juga bentuk penyelesaian di dalam sesuatu perkara dan upacara, maka kuasanya dalah tertinggi walaupun berapa ramai yang hadir dan besar mana sekalipun jawatannya. Darui segi jawatannya seluruh yang hadir mesti tunduk dan patuh dengan bidang kuasa yang ada pada Datuk Empat.

Secara ringkasnya bolehlah difahami bahawa Datuk Empat itu membawa maksud, ianya mempunyai autoriti dan tugas dalam kawasan empat penjuru kampung dan mempunyai autoriti dan tugas di empat penjuru rumah apabila ianya berada di dalam mana-mana rumah di kampung ini.

4.1.3 Peranan dan tugas Datuk Empat:

Peranan dan tugas utama Datuk Empat boleh dibahagikan kepada dua iaitu dalam adat istiadat perkahwinan dan sebagai penentu atau penjaga kepada keharmonian kehidupan masyarakat kampung khususnya.

Di antara peranan Datuk Empat di dalam adat istiadat perkahwinan ialah:

i. Semasa Majlis Pertunangan:

- a. Duduk di antara wakil pihak perempuan dengan wakil pihak lelaki.
- b. Menyemak dan mengumumkan hantaran-hantaran yang dibawa oleh kedua belah pihak, khususnya mengenai hantaran belanja perkahwinan dan cincin pertunangan.
- c. Bertanya kepada kedua-dua pihak kalau ada apa-apa perkara yang tertinggal atau tidak mencukupi seperti mana yang dijanjikan sebelumnya.
- d. Menjadi wakil kepada kedua-dua belah pihak jika sesuatu pihak ingin bertanyakan sesuatu perkara.
- e. Menjadi pengerusi dalam perbincangan untuk menentukan tarikh melangsungkan perkahwinan.
- f. Memberi peringatan kepada kedua-dua pihak tentang adat-adat yang perlu diikuti. Dibi8ncangkan juga bentuk hukuman yang akan dikenakan akibat dari keingkaran salah satu pihak di dalam masa pertunangan.

ii. Adat Mendudukkan Orang:

Sebelum diadakan atau dilangsungkan majlis perkahwinan sama ada yang berkahwin itu lelaki atau perempuan, akan diadakan satu majlis yang biasanya disebut "Mendudukkan Orang". Majlis mendudukkan orang ini diadakan pada waktu malam sebulan sebelum tarikh perkahwinan dan diadakan di rumah keluarga yang akan melangsungkan perkahwinan anaknya. Tuan rumah akan menjemput Datuk Empat, Datuk Dagang, Imam, Bilal, Siak, ketua-ketua keluarga dan sanak saudaranya ke majlis mendudukkan orang ini.

Tugas ketua keluarga yang ingin melangsungkan majlis perkahwinan ini hanyalah memanggil penduduk untuk datang sahaja. Apabila yang menjemput telahpun sampai, majlis mendudukkan orang ini akan dipengerusikan oleh Datuk Empat. Di sini Datuk Empat akan menjelaskan tujuan majlis pada malam tersebut iaitu untuk membantu tuan rumah membuat persiapan bagi memudahkan majlis perkahwinan anaknya nanti.

Berdasarkan tujuan di atas, Datuk Empat dan semua yang hadir akan menetapkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan gotong-royong mendirikan khemah tetamu, khemah memasak, bangsal air, menyediakan kayu api dan sebagainya. Selepas ditetapkan tarikh, Datuk Empat akan membahagi-bahagikan mereka yang hadir ke majlis itu dengan tugas-tugas yang sesuai mengikut kebolehan masing-masing. Biasanya orang tua akan bekerja membuat khemah dan golongan muda mencari kayu api.

Tugas Datuk Empat, bukan sahaja selesai semasa majlis mendudukkan orang, sebaliknya apabila tiba tarikh gotong-royong yang sebenar, Datuk Empat bertugas sepenuhnya menyelia keseluruhan kerja-kerja gotong-royong. Segala masalah yang timbul pada hari itu adalah menjadi tanggungjawab sepenuhnya pada Datuk Empat. Tuan rumah hanya berfungsi sebagai menyediakan makanan dan minuman.

iii. Semasa Berlangsungnya Majlis Perkahwinan:

Di dalam majlis perkahwinan, Datuk Empat adalah orang yang paling berautoriti dan menjadi sumber rujukan utama tuan rumah. Beliau akan memakai sepasang baju melayu yang lengkap. Berikut adalah antara tugas-tugas Datuk Empat semasa berlangsungnya majlis perkahwinan:

- a. Datang awal pagi untuk merasmikan tanda mula majlis perkahwinan dengan upacara memukul tetawak dan menyembelih kambing. Selagi Datuk Empat tidak datang, semua aktiviti tidak boleh dijalankan.
- b. Menentukan masa yang sesuai untuk makan tengah hari dan makan sepangkal bagi penduduk yang datang membantu menjayakan majlis itu.
- c. Menentukan kedudukan pelamin mesti di dalam rumah dan tidak di luar rumah atau di dapur.

d. Menentukan ada gulai kepala kambing di anjung rumah untuk orang bergelar di kampung dan gulai kaki dan perut kambing untuk orang sepangkal di hujung serambi rumah.

e. Menentukan segala perjanjian semasa pertunangan dulu ada dilaksanakan semasa kedatangan pihak lelaki sebelum akad nikah dijalankan seperti:

- jumlah belanja hantaran.
- persalinan pengantin.
- persalinan tambahan bagi adat melangkah bendul.
- ada tapak sirih.
- ada bersama duit adat.
- memulangkan semula dua bentuk cincin kepada pihak lelaki yang dihantar semasa majlis pertunangan.

f. Memberi arahan-arahan yang bersesuaian dengan kedudukan sebagai orang semenda dalam keluarga tersebut seperti:

- Lelaki ditugaskan jadi pengapit pengantin, memasak, membasuh, memikul pengantin dalam perarakan dan menjemput orang-orang yang bergelar di kampung.
- Perempuan pula ditugaskan menginai pengantin, menyediakan nasi pengantin, memasang tikar pengantin dan menjemput penduduk kampung datang ke majlis perkahwinan.

g. Menguatkuasakan peraturan dan menghukum jika keluarga pengantin engkar dan tidak mematuhi adat yang telah ditetapkan. Contohnya dapat dilihat seperti di bawah ini:-

KESALAHAN	HUKUMAN
i. Tidak menyediakan kepala kambing kepada orang bergelar.	- Tidak dibenarkan berarak beramai-ramai bersama pengantin. - Tidak dibenar menjalankan majlis kesenian semasa persandingan pengantin seperti silat dan tari piring. - Keluarga tersebut akan didenda RM 7.00 dengan setapak sirih.
ii. Menyediakan pelamin bukan di tengah rumah atau di anjung rumah.	- Keluarga tersebut akan didenda sebanyak RM 7.00.

h. Menunggu majlis kenduri kahwin selesai iaitu sehingga tetamu bagi pihak pengantin yang datang pulang barulah selesai tugas Datuk Empat.

iv. Peranan Datuk Empat Dalam Menjaga Keharmonian Masyarakat:

Datuk Empat adalah merupakan orang pertama yang akan dirujuk oleh mana-mana penduduk kampung dalam menyelesaikan sebarang masalah yang boleh mengeruhkan hubungan antara penduduk. Di antara masalah penduduk kampung yang sering dirujuk kepada Datuk Empat ialah:

- a. Tanaman dimakan oleh ternakan jiran.
- b. Pergaduhan antara jiran.
- c. Masalah persempadanan.
- d. Masalah pengairan sawah.
- e. Kemalangan jalan raya di kampung.

Cara Membuat Penyelesaian:

Menurut Datuk Empat yang ada sekarang iaitu Tuan Haji Sulaiman Bin Mast Isa, ialah menjalankan tugas dalam konteks adat istiadat perkahwinan lebih mudah daripada bertindak sebagai orang yang menjaga keharmonian masyarakat. Apabila berlaku sesuatu pergeseran antara ahli masyarakat, beliau akan bertindak sebagai orang tengah untuk mencari jalan penyelesaian. Di sinilah dirinya selalu menjadi magsa tohmahan dan cacian daripada keluarga salah satu pihak dengan tuduhan berat sebelah, tidak adil dan sebagainya.

Dari segi tindakan penyelesaian yang dilakukan oleh Tuan Haji Sulaiman ialah bertindak apabila salah seorang atau satu pihak membuat aduan. Datuk Empat akan menerima aduan tersebut dan bertanya kepada yang membuat aduan sama ada mahu berdamai atau tidak. Falsafahnya " Ambil yang jernih dan buang yang keruh ".

Apabila pengadu menyatakan kesediaannya untuk membuang yang keruh dan mengambil yang jernih, maka barulah datuk Empat akan memanjangkan tindakannya iaitu pergi berjumpa dan berbincang dengan pihak yang lagi satu sama ada ingin berdamai atau tidak. Sekiranya orang itu ingin berdamai barulah Datuk Empat boleh mengaturkan jalan penyelesaian pada waktu dan masa yang sesuai.

Penyelesaian selalunya dibuat di rumah Datuk Empat sendiri antara dua orang atau dua pihak yang bergaduh atau bermasalah. Di sini dengan tegasnya Datuk Empat tidak mahu mendengar sebarang hujah atau perbalahan untuk menentukan siapa yang benar atau siapa yang salah.

Sebaliknya ia memberi fokus kepada keinginan kedua belah pihak untuk berdamai. Apa juga bentuk hukuman atau ganti rugi yang dikenakan oleh Datuk Empat ke atas mana-mana pihak mesti diterima dengan baik kerana matlamatnya inginkan penyelesaian. Di akhir sesi penyelesaian, selalunya Datuk Empat akan meminta kedua belah pihak secara lisan memohon maaf di antara satu sama lain dan diikuti dengan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.

Kegagalan membuat Penyelesaian:

Mrenurut Tuan Haji Sulaiman, terdapat juga kes-kes di mana ianya tidak boleh diselesaikan. Ini berlaku disebabkan salah satu pihak atau kedua-dua pihak tidak mahu berdamai. Dalam kes ini Datuk Empat akan memanjangkan tindakan dengan merujukkan perkara tersebut untuk diambil tindakan oleh Datuk Dagang selaku Ketua Kampung. Maka Datuk Dagang akan memainkan peranan untuki menyelesaikan masalah tersebut.

v. Bayaran Saguhati Kepada Datuk Empat [Ketua Adat]:

Di dalam mesyuarat perlantikan ketua adat yang diwakili oleh wakil-wakil sembilan buah suku di kampung ini pada 15 Ogos, 1975 iaitu semasa Datuk Empat yang sekarang ini dilantik telah membuat beberapa keputusan. Keputusan yang diambil adalah berkaitan dengan bayaran saguhati kepada Datuk Empat bagi urusan yang berkaitan dengan kenduri kahwin. Antara keputusan yang diambil adalah seperti berikut:-

- a. Mana-mana penduduk kampung yang memerlukan Datuk Empat turut serta pergi meminang atau bernikah di luar kampung, maka pihak yang memerlukan tersebut diwajibkan membayar saguhati kepada Datuk Empat sebanyak RM 7.00 sahaja.

- b. Bagi perkahwinan antara penduduk kampung sendiri, pihak keluarga lelaki diwajibkan membayar saguhati sebanyak RM 2.50 saguhati kepada Datuk Empat.

v. Hukuman Bagi Yang Meninggalkan Datuk Empat:

Datuk Empat adalah dianggap sebagai pemegang dan pelaksana adat, di kampung ini. Di dalam upacara-upacara rasmi adat di kampung ini adalah wajib untuk memberitahu dan memanggil Datuk Empat untuk turut sama dalam membuat keputusan. Kegagalan mana-mana keluarga memberitahu atau memanggil Datuk Empat adalah menjadi satu kesalahan. Perkara-perkara yang telah dikategorikan gagal mematuhi adalah seperti berikut:-

- a. Tidak menjemput Datuk Empat sebagai kepala utama dalam upacara menerima pinangan.
- b. Tidak menjemput Datuk Empat dalam mengendalikan urusan semasa akad nikah dijalankan.
- c. Tidak menjemput Datuk Empat bagi menguruskan perjalanan kenduri kahwin.

Bagi kesalahan-kesalahan di atas, bentuk hukumannya dari segi adat ialah buapak bagi keluarga yang melangsungkan majlis sama ada pertunangan atau perkahwinan itu datang ke rumah Datuk empat memohon maaf dengan membawa bersama setepak sirih dan wang denda sebanyak RM 7.00 sahaja.



Gambar menunjukkan rumah Datuk Empat yang menjadi nadi pengerak dan pelaksana adat istiadat kampung.